

Peluang Pekerjaan

Selepas tamat pengajian dari universiti yang diiktiraf, graduan perlu mendaftar dengan Majlis Pergigian Malaysia sebelum dibenarkan menjalankan pengamalan dalam bidang pergigian.

Pelajar yang tamat dengan jayanya akan mendapat Ijazah Sarjana Muda Pembedahan Pergigian atau setaraf.

Setiap Doktor Pergigian wajib berkhidmat dengan kerajaan selama 3 tahun dan selepas itu boleh memilih untuk berkhidmat dalam sektor awam atau swasta.

*Tangga gaji :

Gaji permulaan: Gred U41 P1T5 sebanyak RM2366.55

*Elaun:

1. Imbuan tetap khidmat awam: dari RM300.00
2. Imbuan tetap perumahan: dari RM250.00
3. Bantuan sara hidup mengikut tempat bertugas
4. Insentif perkhidmatan kritikal: dari RM750.00
5. Elaun kerja di luar waktu bekerja biasa

(tertakluk kepada perubahan semasa)

Sila layari laman web <http://www.jpa.gov.my> untuk maklumat terkini

Lain-lain faedah :

1. Lantikan tetap dan berpencen
2. Pakaian seragam percuma
3. Cuti tahunan
4. Kemudahan khidmat perubatan dan pergigian
5. Pinjaman perumahan dan kenderaan
6. Pinjaman pembelian komputer

Prospek Kerjaya

Berpeluang melanjutkan pelajaran dalam bidang kepakaran pergigian setelah disahkan dalam jawatan seperti:

- Bedah Mulut
- Ortodontik
- Pergigian Pediatrik
- Periodontik
- Patologi dan Perubatan Mulut
- Pergigian Restoratif
- Odontologi Forensik
- Pergigian Keperluan Khas (*Special Needs Dentistry*) dan
- Pergigian Kesihatan Awam



KERJAYA DALAM BIDANG PERGIGIAN



DOKTOR PERGIGIAN

Anda Berminat?

Adakah anda sedang mencari profesion yang mulia, dihormati dan mencabar, ingin berkhidmat untuk masyarakat dan sekaligus memperoleh ganjaran yang menarik ?

Kerjaya Doktor Pergigian adalah sesuai untuk anda. Kerjaya ini menawarkan pelbagai cabaran di sektor awam dan swasta. Doktor Pergigian bertanggungjawab untuk memberi perkhidmatan pergigian kepada orang ramai. Sekiranya berminat, anda dipelawa untuk mengikuti pengajian Ijazah Sarjana Muda Pembedahan Pergigian/setaraf di institusi-institusi pengajian tinggi (IPT) yang diiktiraf.

Deskripsi Tugas

Tugas utama adalah memberi perkhidmatan penjagaan kesihatan pergigian yang merangkumi promosi, pencegahan dan rawatan pergigian kepada orang ramai.

Antaranya:

- » Pemeriksaan gigi
- » Rawatan pergigian
 - Restoratif (tampalan dll.)
 - Penskaleran
 - Cabutan
 - Gigi palsu dan
 - Pembedahan kecil pergigian
- » Khidmat nasihat dan pendidikan kesihatan pergigian

Kelayakan

Syarat kelayakan masuk hendaklah dirujuk kepada Buku Panduan Kemasukan ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), Program Pengajian Lepas Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia/setaraf yang dikeluarkan oleh Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT), Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

Tempat Pengajian

UNIVERSITI TEMPATAN

- » Universiti Malaya (UM)
- » Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- » Universiti Sains Malaysia (USM)
- » Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
- » Universiti Teknologi MARA (UiTM)
- » Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
- » *Asian Institute for Medicine, Science and Technology (AIMST)*
- » *Penang International Dental College (PIDC)*
- » *International Medical University (IMU)*
- » *Melaka Manipal Medical College (MMMMC)*
- » *Malaysian Allied Health Sciences Academy (MAHSA)*

UNIVERSITI LUAR NEGARA

Kelulusan disiplin pergigian yang diiktiraf dari luar negara boleh diperolehi daripada schedule 2 (Jadual 2) - Akta Pergigian 1971.

Senarai lengkap kelulusan yang diiktiraf boleh layari laman web <http://mdc.moh.gov.my>

Jangka Masa Pengajian

5 Tahun



Antara universiti tempatan yang menawarkan pengajian Ijazah Pergigian